



---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**11 FEBRUARI 2022 (JUMAAT)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**11 FEBRUARI 2022 (JUMAAT)**

## Ada 18 juta bekalan kit ujian kendiri

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Bekalan kit ujian kendiri Covid-19 disahkan mencukupi ketika ini di seluruh negara dengan sejumlah 18 juta unit masih ada di peringkat pengilang dan pemborong.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, bagaimanapun pihaknya mengakui berlaku kelewatian penghantaran bekalan terutama di Sabah dan Johor akibat perayaan Tahun Baharu

Cina dan peningkatan kes mendadak wabak itu pada masa ini.

Namun, katanya, masalah itu sudah pun diatasi di kedua-dua negeri berkenaan dan kebanyakan premis sudah menerima stok daripada pihak pembekal.

"Bekalan dijangka terima dalam masa terdekat sebab kekurangan stok itu berlaku kerana perayaan Tahun Baharu Cina dan peningkatan kes sekurang ini.

"Namun di Sabah sudah mula terima dan pemantauan di setiap daerah di Johor pula mendapat masalah berkenaan sudah diatasi.

"Masalah itu berlaku kerana

pada waktu perayaan itu tidak ada penambahan stok kerana cuti, jadi lambat sampai stok baru. Tetapi sekarang ini mereka sudah mula menerima imanya.

"Setakat ini kita punya data berbanding bulan lepas, pada bulan ni kita ada akses satu juta unit lebih dari bulan lepas," katanya di sini semalam.

Menurut Azman, pada masa ini terdapat lebih 18 juta unit di pihak pengilang dan pemborong berbanding tiga atau empat bulan lalu, pengeluaran stok sekitar 10 juta unit sahaja.

Katanya, disebabkan peningkatan kes Covid-19 ketika ini, maka pengeluaran kit ujian

kendiri itu turut ditingkatkan bagi memenuhi keperluan rakyat.

"Pada tahun lepas kita hanya ada empat atau lima juta unit sebab bila kes rendah, maka pengeluaran tidak banyak, namun, bila sekarang ini kes meningkat maka kilang-kilang di sini menambah pengeluaran.

"Berdasarkan pemantauan kita, bekalan cukup namun kelewatan berlaku atas beberapa sebab terutama apabila sekolah buka dan perayaan Tahun Baharu Cina kes naik mendadak ramai buat ujian apabila Kementerian Kesihatan pula turut menggesa pemantauan kendiri dilakukan," katanya.

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : JUMAAT  
TARIKH : 11/2/2022  
M/SURAT : 16



• Ayam	<b>RM8.90</b>
• Daging Lembu Tempatan	<b>RM42.99</b>
• Daging Lembu Import	<b>RM28</b>

• Telur Gred A	<b>RM12.45</b>
• Ikan Kembung	<b>RM13.99</b>
• Minyak Masak	<b>RM6.70</b>

• Gula Pasir	<b>RM2.85</b>
• Bawang Besar Holland	<b>RM2.50</b>
• Bawang Putih	<b>RM5.50</b>

• Cili Merah	<b>RM9.59</b>
• Kubis Bulat Tempatan	<b>RM2.79</b>
• Tepung Gandum	<b>RM2.20</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDnHEP